

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

18.04.14

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Kian Joo Can Factory Berhad yang turut dihadiri oleh wakil MSWG telah berlangsung selama lima jam. Walaupun ianya merupakan AGM, isu utama yang dibangkitkan oleh pemegang saham minoriti adalah berkaitan dengan cadangan pengambilalihan Kian Joo oleh Aspire Insight Sdn Bhd yang telah menimbulkan beberapa isu kontroversi seperti masalah berkaitan pengarah syarikat, pemegang saham dan sama ada mereka boleh mengundi. Tambahan pula, ramai pemegang saham kelihatan tidak gembira dengan cadangan pengambilalihan tersebut memandangkan mereka terpaksa keluar daripada sebuah syarikat yang tersenarai dan baik pada harga tawaran yang dianggap rendah melalui kaedah pengambilalihan secara pelupusan aset dan liabiliti. Pengambilalihan Kian Joo akan dimuktamadkan pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada bulan hadapan.

Untuk makluman, dalam mesyuarat agong tersebut, pengarah syarikat yang juga merupakan pengasasnya daripada keluarga See telah diundi keluar. Dalam hal yang berkaitan, seorang lagi ahli keluarga pengasas juga telah diundi keluar sehari sebelumnya dalam mesyuarat agung Box-Pak (Malaysia) Bhd yang merupakan anak syarikat Kian Joo.

Antara berita lain yang telah menarik perhatian kami adalah berkenaan penutupan University Antarabangsa Albukhary. Walaupun kami menyokong konsep pendidikan berkualiti dan percuma bagi mereka yang kurang berkemampuan, kami telah membangkitkan kebimbangan mengenai isu pembiayaan universiti tersebut sekitar tahun 2010/2011. Ini adalah kerana kami berpendapat bahawa beberapa syarikat tersenarai, telah membiayai dana bagi universiti tersebut tanpa kelulusan pemegang saham minoriti mereka. Tambahan pula penzahiran polisi tanggungjawab sosial korporat (CSR) tidak jelas. Selain itu, jumlah dana yang disumbangkan juga dilihat sebagai satu jumlah yang agak besar.

Berita penutupan universiti tersebut pada bulan Jun ini menggambarkan bahawa sumbangan dana yang agak besar daripada syarikat-syarikat tersebut telah sia-sia. Persoalan yang timbul adalah adakah syarikat-syarikat tersenarai yang menyumbangkan dana tersebut telah meneliti pelan dan model kemampunan jangka panjang bagi universiti tersebut.

Menyentuh hal yang berlainan, kami ambil maklum bahawa AirAsia telah bersetuju untuk berpindah ke KLIA2 sebelum 9 Mei, setelah mendapatkan kepakaran Organisasi Penerbangan Sivil Antarabangsa (ICAO) mengenai penilaian tahap keselamatan terminal baru tersebut. Kami berharap tidak terlalu banyak isu permulaan yang akan timbul berhubung perpindahan tersebut, dan sebarang pertikaian yang masih wujud dapat diselesaikan dengan segera.

Akhir sekali, kami ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Ahli Parlimen Bukit Gelugor, mendiang Karpal Singh. Pemergian beliau merupakan satu kehilangan tokoh politik negara.

Salam,

Rita

KEMASKINI MAKLUMAT PASARAN

KENAIKAN TARIF GAS

Gas Malaysia Berhad (“Gas Malaysia”) telah mengumumkan kadar tarif baharu bagi harga gas yang akan meningkatkan harga jualan purata sebanyak RM3.25/mmbtu atau 20.4%, iaitu daripada RM16.07 kepada RM19.32/mmbtu. Bagi yang menggunakan 601 hingga 5,000 mmbtu, tarif baharu ialah RM17.64/mmbtu; 5,001-50,000 mmbtu (RM18.14/mmbtu); 50,001-200,000 mmbtu (RM19/MMBtu); 200,001-750,000 mmbtu (RM19.18/mmbtu) manakala lebih daripada 750,000 mmbtu (RM19.65/mmbtu).

Semakan semula tarif ini tidak melibatkan produk-produknya yang lain, iaitu gas petroleum cecair (LPG) dan gas asli bagi kenderaan (NGV). Kenaikan tarif ini adalah lebih tinggi bagi pelanggan-pelanggan Kategori C dan Kategori D (masing-masingnya sebanyak 24.2% dan 26.2%), yang kebanyakannya mewakili pelanggan yang menggunakan 601-50,000 mmbtu setahun. Walaupun harga jualan Gas Malaysia telah disemak semula, tiada indikasi diberikan mengenai harga pembelian gas yang diperoleh daripada Petronas. Kadar tarif baru ini akan berkuatkuasa 1 Mei 2014.

KOMEN MSWG:

Pengumuman ini tidak mengejutkan memandangkan kami sudah menjangkakan bahawa Gas Malaysia akan mengumumkan kadar tarif gas yang baharu selaras dengan pelan rasionalisasi subsidi kerajaan. Walau bagaimanapun, kami juga menyedari bahawa beberapa sektor akan mengalami impak negatif akibat kenaikan tarif gas tersebut seperti sektor pembuatan sarung tangan dan sektor keluli. Ini merupakan tempoh kritikal bagi sektor pembuatan tempatan untuk menjadi lebih cekap kos dan kekal berdaya saing untuk menangani kenaikan kos pengeluaran mereka. Salah satu cara untuk menjadi lebih cekap kos adalah untuk mencari alternatif lain seperti biomas dan tenaga boleh baharu untuk meminimalkan pergantungan terhadap penggunaan gas.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

KIAN JOO CAN FACTORY BERHAD (KIAN JOO) / BOX-PAK (MALAYSIA) BERHAD (“BOX-PAK”)

Kian Joo telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) pada 16 April yang berlangsung selama 3.5 jam, tidak termasuk kira-kira 2 jam lagi bagi pengiraan undi secara poll. Kesemua 12 resolusi telah diluluskan kecuali resolusi untuk melantik semula Pengarah Eksekutif, See Teow Koon.

Dato’ Anthony See Teow Guan, bekas pengarah urusan Box-Pak telah mencabar kesahihan undian oleh pengarah urusan Kian Joo dan pengarah eksekutif Box-Pak, Yeoh Jin Hoe, yang pada pandangannya merupakan punca yang menentang pelantikan semula beliau sebagai lembaga pengarah.

Yeoh telah mengundi sebagai wakil Kian Joo, yang mempunyai 54.83% kepentingan di dalam Box-Pak.

Walau bagaimanapun, menurut pengumuman di Bursa Malaysia, pemegang saham yang memegang sebanyak 75.45% saham telah mengundi untuk tidak menyokong pelantikan semula Dato' Anthony See, manala 24.55% menyokong. Dato' Anthony See yang jelas kelihatan kecewa dengan keputusan tersebut, mendakwa bahawa Yeoh telah menggunakan sijil yang "tidak sah" bagi pelantikan wakil korporat untuk mengundi di MAT tersebut.

KOMEN MSWG:

MAT tersebut telah dilaksanakan dengan baik dengan banyak soalan-soalan berkualiti diajukan oleh beberapa pemegang saham/ pemegang proksi. Jelas terdapat ramai pelabur yang serius yang telah melakukan "kerja rumah" masing-masing apabila mengajukan soalan-soalan penting, dan Lembaga Pengarah juga telah memberikan jawapan sebaik mungkin. Banyak soalan tertumpu kepada cadangan pengambilalihan Kian Joo oleh Aspire Insight Sdn Bhd baru-baru ini. Adalah jelas bahawa pemegang saham minoriti kurang gembira dengan harga yang ditawarkan yang pada pandangan mereka adalah rendah dan tidak adil. Ketiadaan Ketua Pegawai Operasi dan Pengarah Eksekutif, Chee Kay Leong di MAT tersebut juga menjengkelkan beberapa pemegang saham. Beliau juga dilaporkan tidak hadir di MAT Box-Pak (Malaysia) Bhd (anak syarikat Kian Joo) sehari sebelumnya. Memandangkan beliau adalah Pengarah Eksekutif bagi kedua-dua syarikat dan merupakan orang utama di dalam cadangan pengambilalihan tersebut, kehadiran beliau di MAT semestinya sangat penting. Keadaan ini diburukkan lagi apabila tiada seorang pun pengarah Kian Joo yang dapat memberikan penjelasan mengenai sebab ketiadaan beliau di MAT tersebut. Situasi ini jelas tidak memberikan gambaran baik mengenai tadbir urus syarikat.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat nghh@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan shahnul.niza@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Box-Pak (Malaysia) Berhad.*
-
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mSWG.ceo@mSWG.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.